

DATE: 7/ 7/ 2008

## Nilai prestasi ahli Kabinet tindakan wajar: Dr Mahathir

**P**UTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad gembira dengan langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menilai perkhidmatan barisan Kabinetnya.

"Saya gembira dengan perbincangan mengenai KPI Kabinet kerana menunjukkan kerajaan hari ini lebih baik berbanding sebelumnya," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan ahli Kelab Kereta Klasik Malaysia-Singapura, di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam. Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Najib dijangka mengumumkan Bidang Keputusan Utama Nasional (KRA) dan

KPI, satu pendekatan yang akan memberi nafas baru dalam usaha membawa negara ke tahap lebih berjaya.

Mengenai langkah kerajaan memberi kelonggaran terhadap Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) termasuk memansuhkan kuota 30 peratus milikan Bumiputera, Dr Mahathir berkata, beliau kurang gembira kerana kuota itu adalah asas kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Beliau berkata, langkah itu hanya menguntungkan sebahagian kecil rakyat dan menimbulkan rasa kurang senang pelbagai pihak.

"Saya gembira kerana sebahagian daripada dasar kerajaan sekarang adalah bagus tetapi ada perkara



DR MAHATHIR dan Dr Siti Hasmah menerima kunjungan ahli Kelab Kereta Klasik Malaysia-Singapura di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

yang saya kurang berpuas hati.

"Bagi saya DEB bukan suatu penghalang kepada kemajuan bukan Bumiputera dan

ia bukan penghalang kepada Malaysia untuk terus maju berbanding negara membangun lain.

"Malah, faktanya kuota 30

peratus untuk Bumiputera masih jauh tetapi bukan Bumiputera sudah menguasai lebih daripada sepatutnya," katanya.